

D986

B B078 AAB

MAHATHIR - HUTANG R' R' R'

(I)

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA MALAYSIA AKAN MEMBAYAR SEMUA HUTANGNYA PADA MASANYA DAN TIDAK BERCADANG UNTUK MENJADUALKAN SEMULA PEMBAYARAN HUTANG ITU.

+KAMI AKAN MEMBAYAR HUTANG ITU SERTA DENGAN FAEDAHNYA APABILA TIBA MASANYA,+ KATA PERDANA MENTERI UNTUK MENYANGKAL KERAGUAN MENGENAI KEMAMPUAN KERAJAAN MEMBAYAR BALIK HUTANGNYA.

KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN TAHUNAN KESEMBILAN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN (MAJECA) DAN PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMECA) DI HOTEL PAN PACIFIC DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KAMI TELAH MEMBUKTIKAN MELALUI PERLAKUAN KAMI BAHAWA KAMI PEMINJAM YANG BERTANGGUNGJAWAB.+

BELIAU BERKATA HAL ITU TIDAK AKAN BERUBAH SEMATA-MATA KERANA KEJATUHAN HARGA KOMODITI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PEMBAYARAN BALIK HUTANG SEBENAR OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI HUTANG LUAR NEGERI TAHUN INI AKAN BERJUMLAH \$863 JUTA MANAKALA SIMPANAN LUAR BANK NEGARA PADA HUJUNG BULAN LEPAS BERJUMLAH \$13,700 JUTA. -- LAGI.
1749MST 24 04 86

D997

B B085 AAB

MAHATHIR - HUTANG 2 KUALA LUMPUR R' R' R'

+PEROLEHAN DARIPADA SIMPANAN ITU SAHAJA SUDAH LEBIH DARIPADA MENCUKUPI UNTUK MEMBAYAR BALIK HUTANG-HUTANG ITU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, OLEH ITU PARA PENGUSAHA BANK TIDAK SEHARUSNYA MEMPUNYAI SEBARANG KERAGUAN MENGENAI KEAZAMAN KERAJAAN UNTUK MENUNAIKAN KEWAJIPANNYA MENJELASKAN HUTANG ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEKANKAN SEKALI LAGI TENTANG PENDIRIAN MALAYSIA YANG MAHUKAN PERDAGANGAN, BUKANNYA BANTUAN, +WALAUPUN PADA MASA YANG MENYUKARKAN INI.

+APA YANG KAMI MINTA HANYA PERDAGANGAN YANG SAKSAMA,+ KATA BELIAU DAN MENAMBAH KATA BAHAWA KEJATUHAN HARGA KOMODITI BUKANLAH SESUATU YANG BERLAKU SECARA KEBETULAN ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA GEJALA YANG BERLAKU MENGIKUT PUSINGAN.

MALAH, DASAR-DASAR YANG DIAMALKAN OLEH KUASA-KUASA BESAR EKONOMI DAN SENJATA EKONOMI YANG MEREKA PERGUNAKAN MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN KEADAAN MURAM HARGA BARANGAN SEKARANG. -- LAGI.
1811MST 24 04 86

B B103 AAB

MAHATHIR - HUTANG 3 KUALA LUMPUR R' R' R'

BELIAU BERKATA, OLEH KERANA NEGARA-NEGARA TIDAK DIGERAKKAN OLEH KEMURAHAN HATI TETAPI OLEH KEPENTINGAN DIRI, MAKA BELIAU TIDAK AKAN MERAYU UNTUK MENDAPATKAN KEMURAHAN TETAPI UNTUK +KEPENTINGAN DIRI YANG BERPEDOMAN.+ KEKHUATIRAN AKAN HILANG PASARAN YANG BERPOTENSI AKAN MENIMBULKAN KEPENTINGAN SEUMPAMA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA PASARAN ITU BOLEH KEHILANGAN BUKAN SAHAJA MELALUI KEMISKINAN TETAPI JUGA JIKA, SEMATA-MATA KERANA KEPERLUAN, PASARAN ITU MEMILIH UNTUK +MENGANGGOTAI PUAH LAIN.+

+PASARAN ITU MUNGKIN, SEBELUM MENGUBAH IDEOLOGI, MENJALANI PENGALAMAN YANG HEBAT SEPERTI KEKACAUAN SAUDARA ATAU PERANG SAUDARA. IA MUNGKIN CUMA MERUPAKAN PERUBAHAN KERAJAAN MELALUI UNDI PEMILIHAN KUASA -- PERUBAHAN DARIPADA KERAJAAN YANG BERSAHABAT KEPADA YANG BERMUSUHAN.+

BELIAU BERKATA SESETENGAH KEMUNGKINAN ITU SAMAR-SAMAR TETAPI SESETENGAHNYA JELAS AKAN BERLAKUNYA. +AMATLAH MENYEDIHKAN KALAU SESUATU KAWASAN YANG TERKENAL KERANA KESTABILAN DAN KEMAJUANNYA YANG PESAT HARUS BERUBAH MENJADI KAWASAN PERSENGKETAAN DAN TIDAK TENTU MASA DEPANNYA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK AKAN MENUJU KE ARAH ITU KALAU BOLEH. NEGARA INI BERAZAM UNTUK BERDIKARI DAN IA AKAN BERJAYA KALAU +KAMI TIDAK DITOLAK JATUH SETIAP KALI KAMI CUBA BANGUN.+ -- LAGI.

1850MST 24 04 86

D024

B B108 AAB

MAHATHIR - HUTANG 4 KUALA LUMPUR R' R' R'

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, PERDANA MENTERI BERKATA, +KAMI MENGANGGAPNYA SEBAGAI SEBAHAGIAN IKHTIAR KAMI UNTUK BERUSAHA SENDIRI.+

+KALAU KAMI MEMANDANG KE JEPUN UNTUK MENDAPATKAN PANDUAN, ITU ADALAH KERANA LEBIH BAIK MENIRU PENDEKATAN YANG SUDAH DICUBA DAN DIUJI DARIPADA MENCIPTA YANG BARU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENOLAK KEMUNGKINAN ORANG MALAYSIA AKAN MENJADI SEPERTI ORANG JEPUN, SEBAGAIMANA YANG DIKHUATIRI OLEH SESETENGAH ORANG, AKIBAT DASAR ITU.

+ORANG MALAYSIA AKAN TERUS MENJADI ORANG MALAYSIA WALAUPUN MEREKA BEKERJA LEBIH KERAS ATAU MENGAMALKAN SEMANGAT BERPASUKAN ATAU SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA. SIFAT-SIFAT ITU BUKANLAH MONOPOLI ORANG JEPUN SAHAJA.+ -- BERNAMA.

1857MST 24 04 86